

# Saintis Islam perlu lebih peka

B.H. 11 AUG 1992

KUALA LUMPUR, Isnin — Saintis Islam perlu mendalami seberapa banyak pengetahuan bagi menghasilkan teknologi yang sesuai dengan kehendak alam sekitar dan tuntutan Islam, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, negara-negara membangun tidak boleh bergantung terus menerus kepada teknologi negara maju. Teknologi negara maju terpaksa diubahsuai mengikut keperluan negara membangun yang memerlukan saintis yang berkemampuan.

"Saintis negara membangun perlu mencipta atau mengubahsuai teknologi negara maju untuk kegunaan negara mereka," katanya ketika merasmikan Persidangan Akademi Sains Islam Kenam Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan

Di Negara Islam, di sini, hari ini.

Menurutnya, walaupun negara Islam mempunyai asas infrastruktur sains dan teknologi, ia masih tidak kuat dan tidak dapat menyaingi perkembangan sains yang begitu meluas di merata dunia.

Oleh itu, beliau meminta negara Islam yang kaya supaya memperbaiki taraf pendidikan dan kemudahan penyelidikan saintifik mereka bagi memastikan umat Islam tidak ketinggalan dalam kemajuan teknologi dunia hari ini.

Dr Mahathir berkata, negara Islam yang kebanyakannya tergolong dalam negara membangun perlu merapatkan kerjasama dengan negara Selatan-Selatan dalam bidang alam sekitar dan pembangunan.

"Melalui hubungan yang rapat itu mereka bo-

leh merangka kerjasama yang boleh dilakukan sesama negara Selatan-Selatan khususnya terhadap soal perubahan iklim dan biodiversiti," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia mengakui pentingnya memperbaiki keupayaan teknologi sejajar dengan hasratnya untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

Malah, katanya, semua keperluan itu sudah digariskan dalam strategi Rancangan Rangka Jangka Panjang (OPP) dan Rancangan Malaysia Keenam (RME).

Bagaimanapun, beliau berkata, untuk menjadi negara maju, bukanlah bermakna sesebuah negara itu harus mencapai tahap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebagaimana dicapai negara kaya.

"Yang penting ialah ilmu pengetahuan kerana

ia dapat menyumbang ke arah ketenteraman negara dan melahirkan teknologi sendiri. Tanpanya, kita akan sentiasa bergantung kepada orang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata negara yang sudah berdiriku pula tidak harus sombong dengan pencapaian mereka hingga tidak menghormati negara lain. Istilah maju termasuk soal mengamalkan nilai moral yang baik di kalangan masyarakat dan negara.

Beliau mengingatkan saintis Islam supaya mengamalkan nilai moral yang baik kerana ilmu yang mereka miliki itu harus digunakan untuk kepentingan ummah.

Dr Mahathir turut menyifatkan persidangan itu sebagai lanjutan daripada Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan (Unced) di Rio de Janeiro.